

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK NOR SAIFUL ZAINI BIN NASRUDDIN MOHAMMAD

ATLET SUKAN HOKI MALAYSIA

NOR LIANA BINTI MALEK

(2019326031)

NURUL SYAFIKA ATILIA BINTI MAT SALLEH

(2019720225)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2020-JULAI 2020

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Gambar Penemubual 1	1
Rajah 2: Gambar Penemubual 2	2
Rajah 3: Gambar Tokoh	3
Rajah 4: Pingat Sea Ganes 1989 Malaysia	136
Rajah 5: Pingat Hockey Classic 1990 Malaysia	136
Rajah 6: Pingat Asean Game 1990 Beijing	137
Rajah 7: Pingat Sukan Komanwel 1998 di Malaysia	137
Rajah 8: Keratan Akhbar Kemangkatan Sultan Azlan Shah	138
Rajah 9: Ketika Encik Saiful menerima segulung ijazah di Universiti Malaya	138
Rajah 10: Ketika menjuarai Piala Sukan Sea 1989	138
Rajah 11: Gambar bersama rakan-rakan	139
Rajah 12: Encik Saiful ketika sedang beraksi	139
Rajah 13: Encik Saiful bersama dengan orang atasan	139
Rajah 14: Encik Saiful bersam aorang atasan	139

SENARAI JADUAL

Jadual i: Senarai Abreviasi	vii
Jadual ii: Rujukan Kata	ix
Jadual 1: Biodata Penemubual 1	1
Jadual 2: Biodata Penemubual 2	2
Jadual 3: Biodata Tokoh	3
Jadual 4: Log Temubual	101
Jadual 5: Glosari	106
Jadual 6: Diari Penyelidikan	135

ABSTARK

Transkrip ini membincangkan mengenai latar belakang, pengalaman dan kisah kehidupan seorang tokoh yang merupakan salah seorang atlet dalam bidang sukan hoki Malaysia. Pada hari ini, masih terdapat segelintir masyarakat Malaysia yang masih tidak mengambil cakna mengenai penglibatan sukan hoki ini. Transkrip ini juga membahaskan mengenai bagaimana seseorang atlet negara berjaya menerpa nama dan mengangkat imej Malaysia di persada dunia. Selain daripada menyentuh latar belakang dan kisah hidup tokoh dalam bidang sukan hoki ini, projek sejarah lisan ini juga akan mengungkap sedikit sebanyak berkenaan dengan perihal sukan hoki di Malaysia, seperti kemahiran yang diterapkan dalam diri setiap atlet sukan hoki dan juga perkembangan suka hoki di Malaysia ini sendiri. Bermula dari sejarah tentang seorang atlet dalam bidang sukan hoki ini, kajian ini turut menfokuskan seraca menyeluruh berkaitan dengan kepelbagaian teknik-teknik, aktiviti-aktiviti latihan, diet pemakanan, cabaran dan pengorbanan, serta kenangan manis dan pahit yang pernah dilalui oleh seorang tokoh dalam bidang sukan hoki ini. Kajian ini adalah difokuskan kepada para pengkaji, pelajar dan juga orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini, kami berharap agar masyarakat diluar sana terutamanya generasi waktu kini akan lebih mengenali dengan lebih lanjut berkenaan dengan sukan hoki ini dan turut memupuk semangat kesukanan tang tinggi.

Kata kunci: Hoki, Teknik-Teknik, Diet Pemakanan, Antarabangsa, Pencapaian.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kami melaksanakan wawancara bersama tokoh yang dipilih iaitu Encik Nor Saiful Zaini Bin Nasruddin Mohammad. Dengan demikian, kami juga dapat menyiapkan transkrip yang lengkap tentang wawancara tersebut. Wawancara ini adalah untuk memenuhi keperluan Kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin, yang telah banyak memberikan tunjuk ajar tentang subjek ini. Beliau juga telah banyak memberikan garis panduan yang lengkap untuk menyiapkan transkrip ini mengikut prosedur sebagaimana yang dikehendaki.

Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Nor Saiful Zaini Bin Nasruddin Mohammad kerana memberi kerjasama sepenuhnya untuk berkongsi pengetahuan beliau mengenai karier sebagai seorang atlet negara dan berkenaan dengan sukan hoki di Malaysia serta secara tidak langsung kami berterima kasih juga kepada keluarga beliau.

Sekian, terima kasih.